

## **Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah**

Rosnida Othman  
Jabatan Perdagangan  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
E-mail: rosnida@ptsb.edu.my

Nur Farrah Azwa Jasni  
Jabatan Perdagangan  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
E-mail: nurfarrahazwa@gmail.com

### **Abstrak**

Kokurikulum adalah aktiviti yang dilakukan di luar kelas dan ianya merupakan elemen yang penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Aktiviti kokurikulum juga merupakan kesinambungan dan pengukuhan kepada program atau aktiviti pembelajaran di bilik kuliah atau kurikulum. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan pelajar di kalangan pelajar Semester 5 dan 6 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Terdapat tiga penyumbang utama yang dikenalpasti mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Tiga faktor penyumbang berkenaan adalah sendiri pelajar, infrastruktur dan persepsi pelajar. Sampel kajian adalah terdiri daripada 304 orang pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor penyediaan infrastruktur yang bersesuaian dan mencukupi berpotensi meningkatkan penglibatan pelajar. Perancangan waktu aktiviti, pemilihan ahli kumpulan dan kepelbagaian aktiviti juga perlu bagi mempengaruhi pelajar melibatkan aktiviti secara aktif dalam aktiviti kokurikulum.

**Kata kunci:** kokurikulum; sendiri; infrastruktur; persepsi

### **Abstract**

Curricular activities that take place outside the classroom and it is an important element in the education system in Malaysia. Co-curricular activities are a continuation and strengthening of the program or learning activities in the classroom or the curriculum. This study aims to identify factors that affect the level of involvement among students Semester 5 and 6 in Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. There are three main contributors were identified to increase student engagement role in co-curricular activities. Three contributing factors were independent, infrastructure and perception. The sample consisted of 304 students of Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. The findings show that the factors providing appropriate infrastructure and sufficient potential to improve student engagement. Planning activity time, the selection of members of the group and the diversity of activities also need to influence students involving active in extra-curricular activities.

**Keywords:** Curriculum; Self; infrastructure; Perception

## **1. PENGENALAN**

Kokurikulum dan kurikulum merupakan dua komponen utama dalam pembangunan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kokurikulum mempunyai peranan dan pengaruh sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan individu.

Menurut Zulkiflee dan Aimi (2010), kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum. Ini menunjukkan bahawa kokurikulum mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam membentuk modal insan yang bertaraf dunia. Sejalan dengan agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-10, iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia yang memperlihatkan negara sedang berusaha memupuk modal insan bertaraf dunia di kalangan pelajar. Dalam tempoh berkenaan, usaha untuk mencapai hasrat negara adalah melalui penekanan dalam bidang kokurikulum terhadap pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Kurikulum yang dilaksanakan di politeknik merangkumi kokurikulum bagi pelajar Semester 1 dan 2 sahaja. Oleh itu, dapat dilihat penekanan kokurikulum adalah atas dasar mandatori. Bagi pelajar semester lain pula terutama pelajar Semester 5 dan 6 yang terlibat dengan projek akhir, aktiviti kokurikulum yang disertai adalah atas dasar kehendak pelajar itu sendiri.

Seringkali dilihat penglibatan mereka terbatas dengan alasan bahawa mereka terlibat dengan penyediaan projek akhir. Namun, Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) menekankan kepentingan kokurikulum dan kegiatan ini dapat melatih pelajar supaya bertanggungjawab, berdikari, kreatif dan berkemahiran (Amzan & Hazira, 2007). Ini menunjukkan bahawa, sekiranya pelajar tidak melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum maka pelajar tidak memperolehi manfaat seperti kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kemahiran generik dan nilai-nilai murni.

Sekiranya pelajar diberi peluang untuk memilih samada untuk melibatkan diri dalam kokurikulum, kemungkinan pelajar tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Berkemungkinan disebabkan oleh sendiri, infrastruktur dan persepsi pelajar.

Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Sampel kajian adalah terdiri daripada 304 orang pelajar di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Sampel ini merangkumi pelajar Semester 5 dan 6 dari Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan juga Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bagi Sesi Disember 2014. Hasil dapatan kajian menunjukkan infrastruktur mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah tinggi.

## **2. SOROTAN KAJIAN**

Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi mampu menerapkan kemahiran generik untuk persiapan pelajar dalam melahirkan bakal pekerja yang berpotensi bagi memenuhi keperluan industri di Malaysia. Aktiviti yang berkaitan dengan kokurikulum merangkumi projek khidmat masyarakat, penglibatan dalam persatuan, pembentukan organisasi, aktiviti sukan, menghadiri program atau pertandingan semasa di kampus. Berdasarkan kepada sorotan, antara elemen yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah sendiri pelajar (Wardatul & Nooraini, 2014), infrastruktur (Hassan & Junaidah, 2010) dan persepsi pelajar (Zulkiflee & Aimi, 2010).

### **2.1 Kendiri Pelajar**

Konsep sendiri merujuk kepada apa yang difikirkan oleh seseorang pelajar mengenai kelebihan dan kelemahan yang terdapat pada dirinya atau personalitinya. Menurut Zainudindan Riyanti (2010), konsep sendiri ini seterusnya akan menjadi agen penting yang akan digunakan untuk meramal masa depan dan tindakan yang bakal dilakukannya. Ia berkait rapat dengan perasaan terhadap kebolehan diri, perkara yang berlaku pada diri dan perkara yang akan berlaku pada diri dan konsep sendiri seseorang juga menerima penilaian daripada orang lain.

Aktiviti kokurikulum di IPT telah menjadi sebahagian daripada komponen pendidikan di Malaysia ketika ini. Aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak institusi dapat membantu mempertingkatkan personaliti pelajar yang mana ianya melibatkan tahap komunikasi, tahap kecergasan, keyakinan diri dan juga minda di kalangan para pelajar. Aktiviti kokurikulum dapat menyumbang untuk melahirkan pelajar yang seimbang dalam pelbagai aspek seperti aspek rohani, jasmani dan juga intelek (Hassan & Raja Roslan, 2010).

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Azim, Hazrul dan Sofiean (2010), berpendapat setiap pelajar yang masih belajar perlu memiliki kemahiran sosial melalui aktiviti-aktiviti berpersatuan. Perkara ini memudahkan setiap graduan mempunyai kemahiran menyesuaikan diri dan kerja ketika memasuki dunia pekerjaan.

Disokong oleh Ahmad dan Hisham (2009) aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar. Ini menunjukkan aktiviti kokurikulum yang disertai dapat membantu pelajar dalam membina kerjaya kelak.

### **2.2 Infrastruktur**

Kemudahan infrastruktur adalah pengurusan kemudahan di mana ianya adalah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengurus kemudahan dan khidmat ini haruslah dapat memuaskan permintaan dan keperluan mereka yang bergantung kepada kemudahan tersebut untuk menjayakan apa-apa acara atau tujuan yang dikehendaki. Kemudahan infrastruktur melibatkan

aspek pengurusan stok dan inventori alatan sukan, bilik-bilik khas, penyimpanan dan penyelenggaraan alatan.

Kajian oleh Ahmad dan Hisham (2009) menyatakan kemudahan infrastruktur memberikan sumbangan yang tinggi dalam membantu membentuk keterampilan mahasiswa melalui aktiviti kokurikulum. Selain itu, pihak pentadbiran kurang menitikberatkan penyediaan peralatan yang mencukupi bagi menampung keperluan dan kegunaan pelajar (Mustafa Kamal, 2000). Hasan dan Junaidah (2010), menyatakan bahawa kemudahan prasarana merupakan faktor penting dalam menjalankan kegiatan kokurikulum. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pelajar kurang berminat untuk menghadirkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di institusi pengajian mereka. Ini menunjukkan penyediaan infrastruktur di IPT perlu diberi perhatian supaya dapat menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.

### 2.3 Persepsi Pelajar

Persensi merupakan tanggapan atau pandangan individu atau kelompok tentang sesuatu perkara atau kejadian yang berlaku. Hassan Adnan (2010) menyatakan bahawa ramai pelajar atau pihak beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa kerana ianya tidak dinilai sebagaimana kegiatan yang melibatkan akademik. Pelaksanaan kokurikulum di IPT tidak begitu menggalakkan atau tidak mendapat sepenuh sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya pengurusan mengakibatkan pelajar kurang berminat untuk mengambil bahagian.

Namun, Mohamad Abdullah (2013) menyatakan bahawa ramai pelajar mengakui akan kepentingan aktiviti kokurikulum dalam pembangunan modal insan yang mempunyai kemahiran dan menghayati nilai-nilai murni seterusnya memupuk semangat menguasai kemahiran dan kompetensi, namun sebenarnya mereka kekurangan penjelasan dan penegasan yang sewajarnya dalam mengimbangi antara kepentingan akademik dengan aktiviti kokurikulum.

Selain itu, pelajar yang dilahirkan daripada institusi pendidikan negara kita mempunyai ilmu pengetahuan teori yang mencukupi, namun masalah terbesar yang dihadapi oleh para pelajar ialah kekurangan pendedahan serta pengetahuan tentang kemahiran insaniah (Zulkifli, 2008). Pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum dapat didedahkan secara tidak langsung dengan kemahiran insaniah.

## 3. METODOLOGI

3.1 Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif. Populasi Kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar di Jabatan Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Perdagangan di PTSB dan difokuskan kepada semester 5 dan 6. Penyelidik memilih populasi kajian ini adalah kerana pelajar-pelajar pada semester ini

terlibat dalam Projek Akhir yang telah ditetapkan oleh setiap jabatan dan ini mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Oleh itu, pemilihan ini adalah bertepatan dengan kehendak kajian. Jumlah keseluruhan populasi bagi semester 5 dan 6 bagi Sesi Disember 2014 di PTSB adalah seramai 1461 responden yang merangkumi setiap jabatan. Keseluruhan sampel yang dipilih adalah sebanyak 304 responden terdiri daripada pelajar semester 5 dan 6 di PTSB berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Jadual 3.1 menunjukkan bilangan responden yang dipilih dari setiap jabatan.

Jadual 3.1 Bilangan Responden

Jabatan	Populasi	Responden
Kejuruteraan Awam	383	20% X 383 =77
Kejuruteraan Mekanikal	251	20% X 251 =50
Kejuruteraan Elektrik	451	20% X 451 =90
Perdagangan	376	23% X 376 =87
Keseluruhan	1461	304

### 3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden-responden. Dalam kajian ini, soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A di mana ianya dibentuk sendiri oleh penyelidik yang melibatkan faktor demografi yang mempunyai lima soalan dan Bahagian B, C dan D dimana setiap bahagian mempunyai 10 soalan. Bahagian B menyentuh tentang faktor sendiri pelajar, manakala Bahagian C menyentuh tentang faktor pengurusan infrastruktur dan Bahagian D pula tentang faktor persepsi pelajar yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Kajian rintis dijalankan bagi memastikan keberkesanan dan kebolehpercayaan instrumen sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut Sekaran dalam Rosinah (2013), nilai Alpha Cronbach di antara 0.60 hingga 0.80 ialah diterima manakala nilai melebihi 0.80 dianggap baik. Oleh itu, kajian rintis dijalankan ke atas 10 orang pelajar Jabatan Perdagangan. Jadual 3.2 menunjukkan nilai kebolehpercayaan item soal selidik.

Jadual 3.2 Nilai Kebolehpercayaan Item Soal Selidik

Item	Bilangan Item	Nilai Kebolehpercayaan
Kendiri pelajar	10	0.8693
Infrastruktur	10	0.7422
Persepsi pelajar	10	0.6420
Keseluruhan	30	0.8776

Kaedah statistik deskriptif digunakan dalam menganalisis data yang menggunakan skala likert. Rensis Likert (1932) mencadangkan bahawa indeks seharusnya dibina dengan menambahkan item-item yang berkaitan dengan suatu konsep. Skala Likert adalah mudah diurus dan dipakai serta butirannya mudah dijawab oleh responden.

#### 4. DAPATAN KAJIAN

Bab ini menerangkan analisis yang telah dijalankan ke atas data-data yang diperolehi. Hasil analisis data yang dilakukan diterjemahkan dalam bentuk jadual dengan lebih jelas. Huraian terhadap analisis data dilakukan berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi.

##### 4.1 Demografi

Taburan demografi seperti dalam Jadual 4.1 menunjukkan bahawa pelajar Semester 5 yang tinggal di kamsis adalah seramai 51 orang, manakala pelajar semester 6 adalah 59 orang. Pelajar Semester 5 yang tinggal diluar kamsis adalah 71 orang dan 123 orang pelajar Semester 6 tinggal di luar kamsis. Dapatan juga menunjukkan bahawa seramai 42 orang pelajar lelaki tinggal di kamsis. Pelajar perempuan yang tinggal dikamsis adalah seramai 68 orang. Pelajar lelaki dan perempuan yang tinggal di luar kamsis masing-masing 99 orang dan 95 orang.

Jadual 4.1 Taburan Demografi

Tempat Tinggal	Semester		Jantina	
	5	6	Lelaki	Perempuan
Kamsis	51	59	42	68
Luar Kamsis	71	123	99	95

##### 4.2 Analisis Deskriptif

Bagi menentukan tahap persetujuan dalam penganalisan data, Jadual 4.2 menunjukkan skala penentuan min berdasarkan kajian Ravichantiran (2007).

Jadual 4.2 Tahap Persetujuan

Tahap	Skor Min
Sangat tidak setuju	1.00 - 1.75
Tidak setuju	1.76 - 2.50
Setuju	2.51 - 3.25
Sangat Setuju	3.26 - 4.00

Jadual 4.3 Min Keseluruhan

	Kendiri	Infrastruktur	Persepsi
Min	2.66	2.96	2.76
Sisihan piawai	0.48	0.53	0.48

Jadual 4.3 menunjukkan analisis deskriptif berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Hasil dapatan menunjukkan bahawa secara purata pelajar bersetuju bahawa ketiga-tiga faktor iaitu sendiri, infrastruktur dan persepsi mempengaruhi penglibatan dalam kokurikulum. Didapati bahawa min bagi faktor sendiri adalah 2.66. Kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar untuk menimba ilmu berkaitan dengan aktiviti luar pelajar adalah rendah kerana pelajar berpendapat aktiviti kokurikulum membosankan dan membebankan. Jelas di sini bahawa pelajar lebih gemar untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang bukan berbentuk ilmiah.

Hasil dapatan turut menunjukkan bahawa pelajar tidak melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum disebabkan oleh faktor infrastruktur. Skor min bagi faktor infrastruktur adalah 2.96. Kajian menunjukkan infrastruktur yang disediakan oleh politeknik mungkin tidak boleh digunakan oleh pelajar kerana tidak mencukupi, peralatan sukar untuk dipinjam, kemudahan disediakan dalam keadaan yang tidak lengkap, kualiti yang tidak memuaskan dan peralatan tidak berfungsi. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil tindakan segera agar perkara ini dapat diatasi dan seterusnya pelajar dapat menggunakan kemudahan tersebut.

#### 4.3 Analisis Kolerasi

Analisis korelasi atau hubungan bagi ketiga-tiga faktor adalah seperti Jadual 4.4. Korelasi adalah kuat sekiranya analisis adalah melebihi 0.7.

Jadual 4.4 Korelasi Matrik

	Kendiri	Infrastruktur	Persepsi
Kendiri	1		
Infrastruktur	0.377**	1	
Persepsi	0.551**	0.624**	1

Didapati bahawa korelasi di antara faktor sendiri dan infrastruktur adalah 0.377. Ini menunjukkan faktor sendiri dan infrastuktur mempunyai hubungan dalam mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Seterusnya, korelasi di antara faktor sendiri dan persepsi pula menunjukkan hubungan yang signifikan iaitu 0.551. Ini menunjukkan kedua-dua faktor ini dipengaruhi oleh satu sama lain secara sederhana. Kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan diantara infrastruktur dan persepsi iaitu 0.624.

#### 4.4 Analisis Univariat

Jadual 4.5 menunjukkan analisis univariat bagi pelajar yang tinggal di kamsis dan di luar kamsis.

Jadual 4.5 Analisis Univariat

Faktor	Kamsis	Luar Kamsis	T-Test
	n=110	n=194	
Kendiri	2.59	2.69	0.076
Infrastruktur	2.91	2.99	0.25
Persepsi	2.69	2.81	<b>0.044**</b>

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor persepsi di antara pelajar yang tinggal di kamsis dan di luar kamsis terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Kajian ini menunjukkan pelajar yang menghuni kamsis melibatkan diri dalam kokurikulum kerana mereka mempunyai kepentingan seperti untuk mendapatkan merit. Merit ini diperlukan untuk membolehkan mereka untuk mendapatkan kamsis pada semester akan datang.

Selain itu, pelajar ini terikat dengan peraturan yang ditetapkan oleh kamsis untuk melibatkan diri dalam kokurikulum. Pelajar yang tinggal di kamsis biasanya telah ditetapkan masa untuk keluar di hujung minggu mahupun pulang ke rumah masing-masing. Berbeza dengan pelajar yang tinggal di luar kamsis, mereka berpendapat bahawa tiada kepentingan untuk menyertai kokurikulum dan bebas untuk melakukan aktiviti santai seperti mengunjungi kompleks membeli-belah dan pulang ke kampung.

## 5. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan daripada kajian ini, pelajar semester 5 dan 6 di PTSB yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan jantina yang berbeza diambil sebagai responden bagi kajian ini. Hasil yang diperolehi setelah dibuat kajian ke atas pelajar tersebut didapati kebanyakannya mempunyai tahap persetujuan yang berbeza dengan faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Bukan itu sahaja, tahap persetujuan pelajar semester 5 dan 6 di PTSB dipengaruhi oleh faktor infrastruktur dengan skor min 2.96 diikuti faktor persepsi pula 2.76 dan yang terakhir dengan faktor sendiri pelajar terhadap aktiviti kokurikulum iaitu 2.66.

Secara keseluruhan, dapatan kajian mendapati bahawa faktor infrastruktur merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Pelajar menyatakan bahawa kemudahan yang disediakan tidak berfungsi dengan sepenuhnya dan disediakan dalam keadaan yang tidak lengkap serta kualiti kemudahan infrastruktur juga tidak memuaskan. Ini merupakan salah satu punca mereka kurang menyertai aktiviti kokurikulum. Walaupun

terdapat banyak kemudahan infrastruktur yang disediakan di politeknik tetapi kerja-kerja penambahbaikan kemudahan infrastruktur tidak dijalankan dengan sempurna.

Disamping itu, faktor kedua yang mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam menyertai aktiviti kokurikulum adalah faktor persepsi pelajar. Pelajar bersetuju bahawa waktu yang tidak sesuai merupakan faktor kurangnya penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum. Dimana dapat lihat pelajar lebih gemar pulang ke kampung pada hujung minggu berbanding menyertai aktiviti kokurikulum yang dianjurkan. Di samping itu pengaruh rakan sebaya menjadi penyebab pelajar tidak melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum. Hal ini kerana, mereka kurang keyakinan diri untuk bergerak secara solo dalam menyertai sebarang aktiviti yang dijalankan di politeknik.

Selain itu, faktor yang terakhir dalam mempengaruhi tahap penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum itu sendiri adalah kerana faktor sendiri dimana pelajar bersetuju bahawa mereka kurang gemar melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang membosankan. Secara keseluruhan aktiviti yang dianjurkan tidak mengikut kehendak pelajar itu sendiri dan tidak memberi cabaran kepada pelajar kerana pelajar lebih gemar kepada aktiviti yang mencabar. Tambahan pula, kekurangan masa menyebabkan pelajar tidak menyertai aktiviti kokurikulum yang telah dianjurkan oleh pihak politeknik kerana terdapat banyak projek akhir dan tugas yang diberikan oleh pensyarah serta masalah tempoh pembelajaran yang agak singkat untuk sehingga membebaskan pelajar bagi menghabiskan sukatan pelajaran dengan cepat.

Secara keseluruhannya penglibatan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum di kalangan pelajar semester 5 dan 6 di PTSB dipengaruhi oleh faktor infrastruktur. Faktor infrastruktur adalah faktor yang paling diutamakan oleh pelajar PTSB berbanding dengan faktor yang lain. Semua faktor mempunyai tahap persetujuan yang berbeza tetapi faktor infrastruktur adalah yang mempunyai tahap persetujuan yang tertinggi dalam purata skor min sebanyak 2.96. Justeru, diharapkan pihak politeknik dapat menyediakan infrastruktur yang baik dan mencukupi dalam usaha untuk meningkatkan minat pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

## **Rujukan**

Ahmad Esa & Hisham Jamaludin (2009). *Peranan Kokurikulum di Universiti Dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa*. Universiti Tun Hussein Onn.

Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunos & Noraini Kaprawi (2004). *Peranan Kokurikulum Dalam Pembangunan Kemahiran Generik*. Kolej Universiti tun Hussein Onn (KUITTHO).

Amzan Abd Malek & Hazira Hamsah (2007). *Pergerakan Pengakap Malaysia*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.

Azim Md. Kasim, Hazrul Izuan Shahiri & Mohd Sofiean Bachok (2013). *Pelaburan Awal Modal Manusia Dari Perspektif Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Kepada Tempoh Pengangguran Siswazah Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia*.

Hassan Adnan & Raja Roslan (2010). *Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Fizikal Terhadap Pembangunan Diri Pelajar: Satu Tinjauan*. Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Hassan Hushin & Junaidah Md Salleh (2010). *Penglibatan Pelajar Tahun Satu Dalam Aktiviti Kolej Kediaman Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Abdullah (2010). *Penglibatan Pelajar Sekolah Menengah Kawasan Parlimen Muar Dalam Aktiviti Kokurikulum*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mustafa Kamal Ali (2000). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Melayu Tingkatan Empat Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Rancangan Felda Daerah Segamat Selatan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Ravichanthiran (2007). *Meningkatkan Kehadiran Kokurikulum Pelajar Melalui Program Magnet*. Program Kajian Tindakan Negeri Perak Peringkat Sekolah: Sekolah Menengah Kebangsaan Kamunting.

Rosinah Edinin (2011). *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan*. Freemind Horizons Sdn Bhd.

Wardatul Aishah Musa & Nooraini Othman (2014). *Kesedaran Kendiri Terhadap Aktiviti Kokurikulum dan Keberkesanannya Kepada Remaja*. *Proceeding of the Social Science Research, June 2014*.

Zainudin Abu Bakar & Riyanti Abdullah Sani (2010). *Kepentingan Konsep Kendiri Positif Dalam Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia.

Zulkiflee Haron & Aimi Ayuni Idris (2010). *Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Zulkifli Mansor (2008). *Perlaksanaan dan Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Mata Pelajaran Kokurikulum Di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn.